

### Kata sendi nama “bagi” atau “untuk”

- Digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama
- bagi/untuk = menunjukkan kegunaan sesuatu (1)
- untuk = menyatakan maksud bahagian yang ditentukan@diperuntukkan (2)

| Bil | Ayat   | Sebab kesalahan |
|-----|--|-----------------|
| 1   | Baju baharu ini bagi/untuk Dasa.   |                 |
| 2   | Rumah bagi/untuk anak-anak yatim sedang dibina oleh Syarikat Suren Sdn. Bhd.               |                 |
| 3   | Pelamin itu bagi/untuk pasangan mempelai sahaja.   |                 |
| 4   | Penyata kewangan bagi/untuk tahun lepas akan dibentangkan oleh Tina dalam mesyuarat agung. |                 |
| 5   | Bagi/untuk siapakah kuih-muih di atas meja itu?  |                 |
| 6   | Rahmat membeli jam tangan bagi/untuk kekasihnya.   |                 |
| 7   | Banglo dua tingkat itu bagi/untuk Wani sekeluarga.   |                 |
| 8   | Tangga itu bagi/untuk kecemasan sahaja.  |                 |
| 9   | Hadiah ini bukan bagi/untuk Amarsoffi.   |                 |
| 10  | Raifa menggunakan sabun bagi/untuk mencuci tangan.   |                 |
| 11  | Jadual waktu bertugas Tingkatan 6 Atas Peach sedang disediakan oleh Rueben.                |                 |
| 12  | Pen itu dibeli oleh Leong bagi/untuk anak-anaknya.   |                 |
| 13  | Persediaan bagi/untuk Hari Kebangsaan ke-51 masih dijalankan.                              |                 |
| 14  | Derma bagi/untuk mangsa banjir kilat sedang dipungut oleh Yati.                            |                 |
| 15  | Kerja rumah ini dikhaskan bagi/untuk tingkatan U6P.  |                 |
| 16  | Jamuan ini diadakan bagi/untuk keluarga Inspektor Arifin.                                  |                 |
| 17  | Asrama bagi/untuk pekerja-pekerja asing itu sedang dibaiki.                                |                 |
| 18  | Meja itu disediakan bagi/untuk guru-guru sahaja.   |                 |
| 19  | Kafe siber itu disediakan bagi/untuk kegunaan orang ramai .                                |                 |
| 20  | Pihak penganjur menyediakan tempat meletak kereta itu hanya bagi/untuk tetamu khas.        |                 |